

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
[ KANOWIT ]**

**TARIKH : 10.03.2015 (SELASA)**

**DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [ KANOWIT ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah sebenarnya prosedur pelaksanaan subsidi pengangkutan di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah. Mengapa peruncit-peruncit di kawasan pedalaman tersebut masih tidak dapat menjual barang-barang seperti barang keperluan, gas dan petrol, sama harga dengan yang di bandar-bandar besar.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Prosedur pelaksanaan subsidi pengangkutan di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah adalah menggunakan kaedah "*Request for Proposal*". Kaedah ini pernah dilaksanakan oleh pihak Kementerian pada tahun 2012 sebagai suatu kaedah untuk Kementerian mendapatkan maklumat kawasan projek secara lengkap daripada bakal penender. Walau bagaimanapun, kaedah "*Request for Proposal*" ini bukanlah kaedah wajib bagi proses perolehan kerana Garis Panduan Kriteria Pemilihan Transporter sebagaimana yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 8 September 2010, tidak menghendaki Kementerian untuk menjadikan "*Request for Proposal*" sebagai proses awal bagi pemilihan pelantikan transporter.

Kriteria Pemilihan Kawasan Projek ialah seperti berikut:

- i) Kawasan yang dipilih bagi pelaksanaan projek adalah berdasarkan kedudukan harga runcit barang keperluan pengguna di tempat berkenaan melebihi 15% daripada harga kawalan kerajaan;
- ii) Kesukaran penduduk tempatan mendapatkan barang keperluan adalah disebabkan oleh keadaan muka bumi dan kos pengangkutan yang tinggi, menyebabkan harga barang keperluan menjadi mahal. Contohnya, di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan jalan berturap dan hanya menggunakan kenderaan pacuan empat roda sahaja yang mampu melalui kawasan tersebut. Terdapat juga kawasan yang hanya boleh dihubungi melalui jalan air seperti sungai, tasik dan laut; dan

- iii) Barang keperluan yang dibekalkan di sesuatu kawasan tersebut adalah untuk kegunaan penduduk setempat dalam komuniti berkenaan sahaja. Contohnya seperti kegunaan petrol dan diesel bagi bot sangkut persendirian, set penjana elektrik, mesin padi dan jentera-jentera persendirian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua POS yang terlibat wajib menjual barang keperluan pada harga yang sama seperti di bandar-bandar besar mengikut harga kawalan subsidi yang telah ditetapkan. Kesalahan menjual barang keperluan bukan seperti harga yang ditetapkan boleh menyebabkan syarikat transporter boleh ditamatkan kontrak.